

23/05/1997

Dr Mahathir habiskan dua jam tinjau teleperubatan

LONDON, Khamis - Di satu ruang dalam kompleks Hospital St Mary yang berusia 152 tahun di sini, Alexander Fleming menemui penisilin pada abad lalu.

Penemuan dadah pembunuh bakteria itu telah mencorakkan sejarah perubatan.

Tetapi hari ini, pencapaian bersejarah itu dan kejayaan berikutnya oleh kakitangan hospital itu termasuk penciptaan ECG dan teknologi perintis bagi pelbagai teknik perubatan kini nampaknya dikebelakangkan oleh teleperubatan.

Teleperubatan, satu daripada bermacam-macam kegunaan daripada multimedia yang cuba dibawa ke Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad sudah digunakan di Hospital St Mary, yang mempunyai satu daripada rangkaian terbesar teleperubatan di dunia.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk lawatan lima hari bagi mempromosikan MSC, meluangkan masa lebih dua jam semalam untuk menyaksikan kelebihan teleperubatan ini.

Teleperubatan adalah teknologi yang membolehkan proses pembedahan, X-ray dan perundingan, dihantar melalui interaksi telesidang atau skrin.

Kegunaan teleperubatan termasuk pengajaran, perundingan dan juga pertukaran maklumat.

Ia membolehkan pembedahan langsung dan imej diagnostik dihantar melalui cara berinteraksi. Kelebihannya seperti pelaksanaan gambar, X-ray dan perundingan langsung boleh dihantar terus ke pusat pakar bagi tujuan nasihat atau diagnosis tanpa kehadiran doktor.

Kaedah baru perubatan dan pembedahan juga dapat disebar dengan meluas ke merata dunia.

Semasa lawatan Perdana Menteri itu, dua pembedahan yang dijalankan di bilik pembedahan berasingan itu telah ditunjukkan kepada Dr Mahathir yang melihat proses itu melalui skrin besar dari sebuah bilik.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Abu Bakar Sulaiman.

Satu daripada pembedahan itu ialah bagi mengeluarkan batu karang daripada seorang wanita berusia 57 tahun dan satu lagi ialah bagi mengeluarkan ketumbuhan dalam hempedu seorang lelaki berusia 74 tahun.

Ketika pembedahan dilakukan dengan cara membedah tubuh badan pesakit, doktor terbabit sempat memberi `ulasan selari' kepada Dr Mahathir dan tetamu di bilik berasingan.

Terdahulu, pengerusi hospital itu Lord Glenarthur, dalam ucapan aluannya memberitahu Dr Mahathir: "Oleh kerana tuan seorang doktor, tuan seharusnya memahaminya lebih baik daripada saya mengenai apa yang tuan akan lihat."

Hospital yang mempunyai 650 katil itu juga menampung ramai pelajar perubatan dari Malaysia. Dengan jumlah pulangnya STG120 juta setahun serta 2,500 kakitangan itu, pengurusan hospital itu berharap dapat membantu Malaysia menjadi pusat teleperubatan serantau.

Dalam taklimatnya, ketua unit latihan Prof Ara Darzi berkata, menerusi teleperubatan, pembedahan dengan bantuan X-ray dapat dilakukan, dan ini bermakna ia boleh memberi panduan kepada pakar bedah melalui kawalan jauh dari tempat atau negara lain.

Ini juga bermakna bahawa pegawai perubatan yang tidak terlatih boleh mengendalikan tanggungjawab yang sebelum ini tidak mampu mereka lakukan. -

Bernama

(END)